

# **Pelayaran Inderaputra II Karya Ismail Kassan Analisis Daripada Perspektif Teksdealisme**

*Faizah Binti Jalal*

faizahjalal01@gmail.com

*Ani Binti Hj Omar*

ani.omar@fbk.upsi.edu.my

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,

Universiti Pendidikan Sultan Idris.

## **ABSTRAK**

Objektif kajian ialah meneliti ciri-ciri intelektual, menganalisis nilai-nilai intelektual serta mengkaji gaya kepenggarangan Ismail Kassan. Kajian ini menggunakan teori Teksdealisme janaan Mana Sikana yang diasaskan pada tahun 1993. Terdapat empat prinsip utama dalam teori tersebut iaitu prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keperibadian pengarang. Hasil kajian mendapati Pelayaran Inderaputra II mempunyai perkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia kedua. Dapatan kajian menunjukkan drama Pelayaran Inderaputra II, mempunyai persamaan dan perbezaan dengan *Hikayat Inderaputra*. Persamaannya ialah dari aspek nama watak dan latar tempat. Manakala perbezaannya ialah dalam penggunaan gaya bahasa, plot dan teknik penceritaan. Kesimpulannya, drama Pelayaran Inderaputra II memberi impak kepada khalayak kerana wujud aliran surrealisme dalam drama Melayu yang menyumbang kepada sejarah perkembangan drama moden di Malaysia.

**Kata kunci** *Pelayaran Inderaputra II*, teksdealisme, intelektual

## **ABSTRACT**

*The objectives of this research were to examine and analyse the intellectual characteristics and values in Ismail Kassan's writing style. This research used the Textdealism Theory proposed by Mana Sikana in 1993. There are 4 main*

*principles in the theory : presence, strengthening, collision and individualism.* The research established that “*Pelayaran Inderaputra II* “ is strongly linked to the Malaysian New Economic Policy, introduced by the late Tun Abdul Razak Hussein, Malaysia’s second Prime Minister. The research also looked into the similarities and differences between the “*Pelayaran Inderaputra II*” drama and “*Hikayat Inderaputra*”. The similarities were the characters and the setting. On the other hand, the differences identified were language style, plot and narrative technique. The research concluded that “*Pelayaran Inderaputra II*” presented a strong public influence because of the existence of the Surrealist Approach in the Malay drama and thus contributing to the historical development of modern drama in Malaysia.

**Keywords** *Pelayaran Inderaputra II , textdealism, intellectual*

## PENGENALAN

Drama *Pelayaran Inderaputra II* merupakan drama kedua hasil penulisan Ismail Kassan selepas *Fajar di Bumi Permata*. Menurut Ismail Kassan (*Dewan Sastera*, 2013, hlm.10) skrip drama *Pelayaran Inderaputra II* dicipta semasa beliau sedang menunggu keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Tanpa diduga, drama tersebut telah memenangi tempat ketiga dalam *Sayembara Menulis Skrip Drama Panjang* anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1979. Menurut laporan ahli-ahli panel:

“... drama *Pelayaran Inderaputra II* adalah sebuah usaha yang agak besar dan harus diberi kredit. Hal ini adalah kerana skrip itu agak panjang tetapi menarik. Penulis dengan teliti menyediakan satu dasar idea yang baik, terungkap di dalamnya simbolisme yang tergarap dengan kemas akan watak-watak yang diutarakan”.

(Ismail Kassan, 1981:ix).

Keterangan di atas menunjukkan bahawa drama *Pelayaran Inderaputra II* adalah sebuah drama yang baik dan mampu memberi pengajaran kepada khalayak. Skrip drama *Pelayaran Inderaputra II* telah diterbitkan dalam *Antologi Drama Pelayaran Inderaputra II*, terbitan DBP, 1979. Menurut Ismail Kassan (2013: 23), karya tersebut

adalah gambaran kehidupan masyarakat Melayu pada era 1970-an iaitu selepas peristiwa 13 Mei 1969. Ketika itu kabinet baharu di bawah pimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak sedang rancak merangka Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi membantu orang Melayu keluar daripada garis kemiskinan. Malangnya, majoriti kelompok yang ingin dibantu masih selesa dan enggan berubah lantaran wujudnya jurang ekonomi antara pelbagai kaum. Orang Melayu bukan sahaja miskin harta tetapi juga miskin ilmu. Kemiskinan ini dibebani pula oleh sikap negatif, tidak yakin diri, kongkongan adat budaya dan anti pembangunan.


Ismail Kassan cuba menyedarkan masyarakat dengan mengungkap beberapa persoalan seperti mengkritik golongan masyarakat yang suka membuang masa, inginkan kemewahan tetapi malas berusaha, sikap pemimpin yang menyalahgunakan kuasa, amalan rasuah, tiada jati diri dan sikap berpura-pura dalam melakukan sesuatu urusan. Hal demikian mempunyai perkaitan dengan pendapat Shahnon Ahmad (1992, hlm. 151), faktor utama permasalahan dalaman kemanusiaan ialah komunikasi. Sehubungan itu, Ismail Kassan menarik perhatian masyarakat dengan menampilkan genre drama corak baharu bukan sahaja melalui gaya bahasa dan teknik penceritaan tetapi mampu menghasilkan drama berkualiti, kreatif dan kritis.

Kesimpulannya, skrip drama *Pelayaran Inderaputra II* telah membuka dimensi baharu dalam sejarah perkembangan drama tanah air. Meneliti sejarah perkembangan drama di Malaysia, khalayak telah didedahkan dengan drama bercorak tradisional, bangsawan, sandiwara, realisme dan absurdisme. Kemunculan *Pelayaran Inderaputra II* menampilkan aliran drama baharu berbentuk surrealisme. Secara tidak langsung telah menyumbang kepada kemajuan industri kesusteraan dan kebudayaan negara.

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian ialah meneliti ciri-ciri intelektual yang terdapat dalam drama *Pelayaran Inderaputra II*. Selain itu, menganalisis nilai-nilai intelektual dan mengkaji gaya kepenggarangan Ismail Kassan dalam drama *Pelayaran Inderaputra II*. Ketiga-tiga objektif tersebut sangat penting dalam kajian demi melahirkan generasi intelektual, berakhhlak mulia serta berwawasan.

## Kaedah Kajian dan Analisis Teks



Rajah 1 Teori Teksdealisme Janaan Mana Sikana 1993

Rajah 1 menunjukkan teori Teksdealisme janaan Mana Sikana pada tahun 1993. Teksdealisme diambil daripada kata dasar “teks” dan “ideal” yang berfungsi mencari keunggulan seseorang pengarang dalam karya-karyanya. Dalam mencari keunggulan, Mana Sikana telah menggunakan empat prinsip yang menjadi sendi utama dalam teori tersebut iaitu prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keperibadian pengarang atau jati diri.

Menurut Junaidah Salleh dalam Abdul Halim Ali et. al (2012:103), seseorang pengarang harus kaya dengan pengalaman estetika, tajam deria, memiliki tahap pemikiran yang luas serta menguasai landasan ilmu tentang pembinaan kaedah dan metod. Hal ini demikian kerana teori Teksdealisme dapat menilai dan menghukum seseorang pengarang. Sifat keunggulan perlu dibuktikan bagi menghasilkan sebuah karya yang lebih baik serta bermutu daripada apa yang dihasilkan. Dalam erti kata lain, pengarang akan berusaha untuk melahirkan idea berkualiti bagi mengatasi pengarang lain dalam karyanya. Tegasnya, sifat keunggulan perlu ada dalam diri seseorang pengarang bagi melayakkan dirinya menjadi pengarang luar biasa. Pengarang perlu bijaksana dan berani melontar idea dalam mencari pengaruh keunggulan berkarya.

### Prinsip Kehadiran

Merujuk drama *Pelayaran Inderaputra II*, analisis kajian jelas memperlihatkan pengarang menghadirkan idea secara berterusan bermula pada peringkat pembentukan idea, pertengahan hingga

siap sesebuah karya tersebut. Prinsip kehadiran yang digunakan ialah pengalaman pengarang yang sengaja memilih frasa nama Inderaputra. Hal ini merujuk kepada *Pelayaran Inderaputra II* yang tercatat di hadapan muka teks atau kulit buku. Secara tidak langsung khalayak dapat menebak cerita *Hikayat Inderaputra* melalui ingatan dan bayangan sastera tradisional. Seterusnya mengaitkan hubungan frasa nama Inderaputra dengan *Pelayaran Inderaputra II*.

Pengarang juga menghadirkan kutipan cerita *Hikayat Inderaputra* sebagai sumber rujukan dalam penciptaan *Pelayaran Inderaputra II*. Muhammad Hatta Muhammad Tabut (2002, hlm.4) menjelaskan terdapat idea penulisan skrip yang dipadankan daripada tulisan sastera seperti novel, cerpen dan puisi. Dalam memadankan hasil karya, sesetengah penulis atau pengarang akan mengambil keseluruhan atau sebahagian teks. Berkaitan kenyataan tersebut pengarang mendapat idea melalui lintasan fikiran akan pengalaman lalu yang sedia hadir. Melalui ingatan serta bayangan, pengarang terpengaruh dengan cerita *Hikayat Inderaputra* yang dipenuhi dengan pelbagai halangan. Antaranya pengembalaan mencari bunga tanjung putih, serangan raksasa, sifat iri hati dalam kalangan pembesar dan kematian watak berulang kali sebelum kejayaan diperoleh. Melalui pengalaman bacaan, pengarang telah mencipta *Pelayaran Inderaputra II* dengan memilih beberapa unsur kehadiran. Misalnya kehadiran pengembalaan. Hal ini dibuktikan apabila Maharaja dan anak-anak kapal belayar mencari pulau impian yang kedudukannya entah di mana. Mereka menempuh pelbagai halangan dan dugaan semata-mata mahu mencari kesenangan. Kehadiran pengembalaan di sini, jelas memperlihatkan usaha pengarang yang berterusan. Walaupun berlainan visi, namun dasarnya tetap sama iaitu mencari sesuatu. Pengarang berani dan bijak mengolah karya hingga menimbulkan kelainan dari karya asal.

Selain itu, pengarang membangkitkan isu pelayaran yang panjang sehingga menimbulkan kebosanan dalam kalangan anak-anak kapal. Anak-anak kapal mula memberontak apabila Maharaja memperkenalkan undang-undang baharu. Antaranya setiap keputusan mestilah dirujuk kepada Maharaja meskipun ketua pelayaran ialah Nakhoda. Sikap pemimpin yang menyalahgunakan kuasa telah dikupas dengan teliti. Secara tidak langsung, memberi gambaran sebenar dalam kehidupan masyarakat. Dalam hal ini, pengarang telah menghadirkan pemikiran kreatif dengan memberi kelainan terhadap karya yang dicipta berbanding karya asal yang bercorak bangsawan dan rakyat perlu patuh kepada raja dalam konsep waad sebagaimana dalam *Sejarah Melayu* di zaman feudal.

Seterusnya, pengarang terpengaruh dengan pelbagai isu yang melanda negara pada zaman itu. Menurut Ismail Kassan (*Dewan Sastera*: 11) kisah *Pelayaran Inderaputra II* adalah gambaran analogi orang Melayu pada tahun 1970-an. Isu-isu seperti kemiskinan, hipokrit, suka berangan-angan, amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan sikap malas berusaha sentiasa menjadi buah mulut dalam kalangan masyarakat. Hal demikian telah memberi peluang kepada pengarang untuk meluahkan perasaan tidak puas hati. Sebagai contohnya, dalam bidang ekonomi dan sosial. Tujuan karya dicipta adalah untuk memenuhi hasrat mantan Perdana Menteri Tun Abdul Razak Hussein dalam mencapai matlamat DEB yang diperkenalkan pada tahun 1971 (Ismail Kassan, 2012). Secara tersurat, matlamat DEB adalah untuk mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional. DEB digubal dalam konteks strategi serampang dua mata untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia dalam kalangan pelbagai kaum. Laporan Rancangan Malaysia Keenam telah menunjukkan bahawa kadar kemiskinan negara pada tahun 1990 ialah 17.1% berbanding 49.3% pada tahun 1970. Diikuti, penubuhan Dasar Pembangunan Nasional yang merupakan kesinambungan kepada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang telah tamat tempoh (Sumber: Wikipedia Ensiklopedia bebas, 2014). Dalam konteks ini, pengarang berani melontar idea dan pandangan tentang kehidupan masyarakat Malaysia yang pincang. Beliau bijak menggunakan falsafah, perlambangan serta ideologi bagi merealisasikan hasrat negara untuk hidup aman dan sejahtera. Hal ini menunjukkan bahawa, kebijaksanaan dan keberanian pengarang dalam berkarya dapat membantu negara mencapai sesuatu matlamat, khususnya merangsang pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosial dalam sesebuah negara.

Seterusnya menghadirkan idea dalam bentuk lintasan pemikiran. Dalam hal ini pengarang bijak menyeimbangkan isi dan teknik dalam menentukan kejituhan mesej agar menjadi unggul. Kesannya, terdapat unsur-unsur baharu dalam karya. Antaranya, penggunaan gaya bahasa dan teknik penceritaan. Cetusan pemikiran tersebut mempunyai perkaitan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015), iaitu pembangunan modal insan yang bersepada akan ditingkatkan. Dalam hal ini, pendidikan merupakan pelaburan terpenting bagi pembangunan sesebuah negara. Tidak ada negara yang mampu mencapai kemajuan tanpa memiliki modal insan cemerlang. Oleh itu, peningkatan pengetahuan dan kemahiran rakyat bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan asas, pendidikan tertiari sehingga ke

alam pekerjaan. Tiga strategi yang digunakan oleh kerajaan ialah merombak sistem pendidikan untuk meningkatkan prestasi pelajar dengan signifikan, meningkatkan kemahiran rakyat untuk meluaskan kebolehpasaran dan menyusun semula pasaran pekerjaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Berdasarkan strategi tersebut, adalah diharapkan generasi masa kini dapat mengenal sifat jati diri, boleh bertindak balas dengan pantas, kreatif terhadap perubahan ekonomi serta berkemahiran dalam pelbagai bidang. Hal demikian mempunyai perkaitan dengan *Pelayaran Inderaputra II* kerana fungsinya menyemai nilai-nilai intelektual dalam kalangan masyarakat. *Pelayaran Inderaputra II* memberi pengajaran kepada pelajar-pelajar untuk lebih bersedia dan bersaing di peringkat global selain mewujudkan perpaduan dalam kalangan pelbagai kaum di Malaysia. Tegasnya, pengarang bijak melahirkan pemikiran dalam bentuk kehadiran pengalaman demi melahirkan karya unggul.

## **Prinsip Pelanggaran**

Meneliti aspek pelanggaran, pengarang telah mewujudkan pengekalan dan perubahan dalam plot cerita *Pelayaran Inderaputra II*. Menurut Mariam Salim (2004), *Hikayat Inderaputra* ialah sebuah cerita prosa klasik tentang pencarian bunga tanjung putih sebagai simbol untuk mendapatkan anak. Cerita bermula apabila Inderaputra diterbangkan oleh merak emas dan dijatuhkan dalam kebun nenek kebayan. Seterusnya mendapat kesaktian, berjumpa Berma Sakti, berkahwin dengan puteri raja, mendapat hadiah, mendapat musibah dan berakhir dengan pertemuan semula dengan keluarganya. Plot cerita diselang seli dengan kesusahan Inderaputra menangani sesuatu masalah selain menjadi mangsa pembunuhan dan iri hati dalam kalangan pembesar istana. Hal demikian adalah kerana Inderaputra berjaya mengalahkan mereka dalam beberapa pertandingan yang diadakan. Inderaputra juga memiliki empat orang isteri kerana berjaya menyelesaikan masalah yang dihadapi. Semua penceritaan berlangsung secara kronologi dan berdasarkan hukum sebab akibat.

Sebaliknya, Ismail Kassan (1981) dalam *Pelayaran Inderaputra II*, plot cerita adalah berlapis. Pengembalaan mencari Pulau Keramat adalah sia-sia kerana pulau yang diimpikan tidak wujud di alam nyata. Rombongan pelayaran diketuai oleh Maharajalela dan Nakhoda sebagai ketua kapal Bahtera Helang Merah. Anak-anak

kapal diberitahu kehidupan mereka akan berubah apabila menemui Pulau Keramat yang tersedia dengan kemewahan, makanan percuma, tempat tinggal disediakan dan tidak ada perbezaan antara siang dan malam. Mereka tidak perlu berkerja keras mencari kemewahan. Semuanya tersedia dengan baik. Justeru mempengaruhi Ujang, Serang, Intan, Cik Puan dan Pawang Laut untuk turut serta dalam rombongan itu. Mereka berlayar tanpa henti dan tercari-cari pulau yang dinyatakan hingga menimbulkan rasa bosan kerana jemu dengan situasi yang dilalui. Dalam kebosanan berlayar, Ujang telah bermimpi dan berdialog dengan Bintang Timur, Bintang Zuhrah, Puteri, Raja Siang, Sang Fajar, Penggawa dan dayang-dayang. Mereka berbahas tentang sikap ketidakadilan pemimpin ketika menjalankan tugas dan sentiasa mahukan hiburan berbanding tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan. Oleh sebab tidak berpuas hati, Raja Siang telah mencampak Ujang ke laut. Ujang tersedar dari mimpi lalu menjerit meminta tolong. Ujang berjaya diselamatkan oleh anak-anak kapal. Kemunculan angin kencang menyebabkan kapal mereka berada dalam keadaan terumbang-ambing. Untuk menyelamatkan diri, barang-barang berharga dan makanan telah dibuang ke laut. Seterusnya mereka sedar dari pengsan setelah terdampar di sebuah pulau yang dihuni oleh makhluk-makhluk ajaib. Di situ Ujang dan Serang berilusi. Makhluk-makhluk itu menuntut bayaran bagi setiap perbuatan yang dilakukan seperti makan buah terlarang, singgah di pulau tanpa mendapat kebenaran dan membunuh binatang peliharaan. Kerana takut dibunuh, mereka melarikan diri dan meneruskan pelayaran. Dalam kapal, mereka saling menuduh antara satu sama lain tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing. Ketika berlayar, Ujang dan Serang berangan-angan semula. Sambil berbual, Ujang ternampak seorang anak muda yang hampir lemas. Ujang menyelamatkan anak muda itu lalu dibawa naik ke kapal. Mereka sedar dari berangan-angan dan terkejut dengan kewujudan Inderaputra yang mengaku anak raja Sementa Pura. Peristiwa tersebut menimbulkan kemarahan Maharaja kerana secara tidak langsung telah mencabar kepimpinannya. Ujang dan Serang diseksa kerana tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Rahsia penyamaran Inderaputra terbongkar dengan kemunculan Pengawal yang menemui bukti tanda parut dan kalung negeri di badan Ujang. Cerita berakhir apabila anak-anak kapal meneruskan pelayaran mencari Pulau Keramat setelah mendapat petunjuk daripada Pengawal. Sebagai ganjaran, Pengawal berjaya mendapat putera raja yang hilang melalui watak Ujang yang menyamar sebagai anak kapal Maharajalela.

Berdasarkan plot tersebut, pengarang telah memasukkan unsur pengekalan dan perubahan bagi memantapkan cerita. Dalam pengekalan, pengarang telah mengekalkan watak Inderaputra selaku waris negeri Sementa Pura. Kedua-dua watak adalah anak raja yang berpengaruh dan simbol kepada sesebuah kerajaan atau negara. Perubahannya ialah pemalsuan identiti yang digunakan oleh pengarang bagi memantapkan karya. Hal ini dibuktikan melalui watak Ujang yang memiliki tanda parut dan seutas kalung (rantai leher) sebagai simbol kerajaan. Pengarang menyatakan kepada khalayak kehilangan Inderaputra adalah disebabkan kenderaan yang dinaiki jatuh terhempas. Secara tidak langsung telah mewujudkan pelanggaran dalam struktur penceritaan plot, teknik, gaya bahasa, watak perwatakan dan latar. Pengarang melanggar struktur penceritaan yang menjadi kebiasaan pengarang demi melahirkan karya unggul. Dalam hal ini, pengarang telah melanggar struktur penceritaan *Hikayat Inderaputra* apabila memasukkan tanda parut dan kalung demi bagi mendapatkan karya unggul. Selain itu menggunakan unsur asing iaitu “garuda besi” sebagai kenderaan masa kini (kapal terbang). Mana Sikana (2006, hlm. 114) menjelaskan prinsip pelanggaran digunakan bagi menganalisis dan merubah subjek yang berhubung dengan karya penciptaan. Unsur-unsur baru dan asing telah dimasukkan dalam *Pelayaran Inderaputra II* demi mendapatkan karya unggul. Sebagai contohnya, pengarang telah menggabunggalin teknik penceritaan imbas kembali, masa kini dan masa hadapan. Semua unsur kelainan dalam *Pelayaran Inderaputra II* adalah melalui teknik sedar dan bawah sedar seperti mimpi, berangan-angan, berimajinasi dan kecelaruan identiti watak. Hal demikian menunjukkan kebijaksanaan pengarang dalam berkarya. Mana Sikana (2005, hlm. 498) menjelaskan, setiap pengarang mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya mencapai suatu tahap keunggulan. Dalam hal ini, pengarang akan berusaha dengan bakat, kebolehan, intelektual, dan keterampilannya bagi menghasilkan sebuah karya unggul. Dalam erti kata yang lain, pengarang akan berusaha dengan gigih untuk mencapai cita-citanya.

Tegasnya, unsur pelanggaran digunakan oleh pengarang bagi mewujudkan kelainan antara *Hikayat Inderaputra* dengan *Pelayaran Inderaputra II*. Dengan kelainan tersebut, khalayak dapat mempelajari teknik dan gaya penceritaan pengarang. Pengarang bijak memanipulasi idea dengan mewujudkan kelainan baharu dalam karya. Dalam hal ini, pengarang telah menggunakan pendekatan psikologi bagi memilih persoalan dan perlukisan watak. Hal ini berkaitan dengan teori disiplin psikoanalisis yang dikemukakan oleh Sigmund Freud dan Carl Jung yang memberi penekanan terhadap aspek bawah

sedar dalam kejiwaan manusia. Freud beranggapan bahawa gerak kuasa utama kepada penglahiran seni ialah desakan biologi atau desakan kepuasan jantina pengarang. Sahlan Mohd Saman (1985, hlm. 31) menjelaskan pengalaman dan peribadi pengarang dapat membantu pengarang bertindak untuk mencipta sesuatu karya tertentu khususnya membentuk semula proses penukarannya dari bahan kehidupan kepada karya seni. Dalam erti kata yang lain, pengarang mendapat ilham atau inspirasi hasil daripada pemikiran dan pertimbangan jiwanya lalu dicurahkan di atas kertas sebagai suatu eskapisme. Sahlan Mohd Saman (1985, hlm. 21) menjelaskan unsur bawah sedar pengarang adalah salah satu pemikiran penggerak utama di dalam karya. Selanjutnya, Richard Ohman dalam Mana Sikana (1984, hlm. 38) menjelaskan kemahiran seseorang penulis adalah menggunakan berbagai-bagai unsur bahasa dramatik bagi meletakkan karya ke sesuatu tempat yang istimewa. Selain mempunyai hubungan dengan keperibadian, kemahiran penulisan juga menunjukkan ketamadunan sesuatu bangsa itu.

Unsur lain ialah watak Intan yang berani memprotes kepimpinan Maharajalela. Intan bersekutu dengan Ujang dan Serang demi mempertahankan maruah diri dan menentang yang batil. Hal demikian menimbulkan rasa tidak puas hati pada Maharajalela terhadap Nakhoda kerana gagal mendidik anaknya dengan baik. Selain menderhaka kepada pemimpin, Intan juga tidak menghormati orang yang lebih tua. Dalam hal ini, pengarang telah membuat perubahan pada watak Intan sebagai seorang perempuan yang berani, degil, keras hati dan enggan mengaku kalah berbanding dalam cerita *Hikayat Inderaputra*. Semua watak perempuan adalah lemah lembut, rajin mengurus rumah tangga, patuh dan setia kepada suami atau pemimpin. Unsur kelainan ini digunakan oleh pengarang bagi menyedarkan masyarakat tentang sensitiviti dan pengaruh persekitaran. Secara tidak langsung memberi fungsi kepada wanita untuk bertindak dan saling berkerjasama dalam melaksanakan tugas untuk kemajuan negara bak pepatah pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara.

## Prinsip Pengukuhan

Meneliti prinsip pengukuhan dalam *Pelayaran Inderaputra II*, pengarang berusaha menjalankan penyelidikan mengenai Pulau Jerejak yang menjadi lambang kemewahan hidup dalam *Pelayaran Inderaputra II*. Dalam hal ini pengarang telah menggunakan kreativiti untuk memantapkan cerita dengan mengaitkan sejarah atau peristiwa

yang berlaku di dalam negara. Sebagai contohnya Pulau Jerejak ialah pulau buangan pada tahun 1948-1949 yang dijadikan Kem Tahanan Politik British. Pulau Jerejak mendapat gelaran ‘penjara’ pada 12 Jun 1969 sebagai penjara keselamatan tertinggi dengan nama samaran Alcatraz Malaysia. Nama Pulau Jerejak muncul apabila Kolonel Arthur Wellesly of Wellington, England yang mencadangkan pulau itu dijadikan pangkalan tentera laut British pada tahun 1797 yang bertujuan melindungi bandar baru ‘Jamestown’ (kini Bayan Lepas). Selain dijadikan pusat kasino atau ‘sanatorium’, Pulau Jerejak juga dijadikan hospital bagi pesakit tibi dan kusta pada tahun 1930. Seterusnya, pada tahun 1981 berlaku rusuhan apabila 100 orang tahanan mengamuk dan memusnahkan sebahagian bangunan tersebut kerana tidak berpuas hati dengan lanjutan tempoh tahanan. Sebagai langkah keselamatan, kerajaan memutuskan untuk menutup pusat itu pada tahun 1990 dan semua tahanan dipindahkan ke Muar dan Simpang Renggam, Johor secara berperingkat sehingga 13 Ogos 1993.( Sumber: Wikipedia, 2014).

Berdasarkan maklumat sejarah tersebut, pengarang telah mendapat ilham untuk berkarya. Mana Sikana (2006, hlm. 115) menjelaskan, ketidakpuasan terhadap teks yang sudah dihasilkan menyebabkan pengarang selalu berusaha gigih untuk menghasilkan teks selanjutnya yang diramalkan akan menjadi lebih baik daripada sebelumnya. Oleh yang demikian, pengarang berusaha melakukan penyelidikan dan menyaring maklumat bagi mengukuhkan cerita. Sebagai contohnya unsur pengukuhan dalam sesuatu peristiwa yang melibatkan nama tempat. Dalam *Hikayat Inderaputra*, nama tempat merujuk kepada nama-nama yang tidak pernah didengar dan diketahui oleh masyarakat. Misalnya, Gunung Mali Kisna, Padang Darsal, Tasik Semenda Jin, Taman Rangga Puspa Berahi dan sebagainya. Nama-nama tersebut menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat kini kerana tidak wujud. Justeru, untuk mengukuhkan karya, pengarang telah membuat rujukan. Dalam hal ini, pengarang telah memilih Pulau Jerejak sebagai latar tempat penceritaan untuk menyesuaikan plot *Pelayaran Inderaputra II*. Secara tidak langsung memberi pendedahan kepada generasi baru akan perubahan fungsi Pulau Jerejak sebagai destinasi pelancongan pada masa kini. Impian pengarang untuk menjadikan Pulau Jerejak sebagai pusat tumpuan pelancong dengan kelengkapan pelbagai prasarana tercapai bersesuaian dengan matlamat yang dicari oleh watak-watak dalam *Pelayaran Inderaputra II* iaitu Pulau Keramat yang menjadi pulau idaman setiap manusia (*Pelayaran Inderaputra II*, 66). Rumusannya, pengarang bijak dan sensitif dengan persekitaran yang berlaku di sekelingnya.

## **Prinsip Keperibadian Pengarang**

Prinsip keperibadian pengarang dapat dilihat melalui gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang. Rahman Shaari (1993: vii) menjelaskan pengarang perlu memilih gaya bahasa bagi menyampaikan fikiran demi mewujudkan karya yang bergaya. Dalam hal ini, Ismail Kassan telah memilih gaya bahasa perlambangan sebagai sifat jati diri. Sebagai contohnya, Ujang diseksa kerana melanggar peraturan. Hal demikian berpunca daripada sikap Maharajalela yang menyalahgunakan kuasa sebagai pemimpin. Sikap Maharajalela yang keras hati, sompong dan mementingkan diri sendiri amat tidak disenangi oleh Ujang, Serang dan Intan. Oleh itu, Ujang memberontak dan melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh Maharajalela demi memperlihatkan semangat jati diri. Ujang dilambangkan sebagai anak muda yang berani mempertahankan maruah diri. Hal demikian bertentangan dengan Nakhoda selaku ketua kapal yang patuh dan setia dengan arahan Maharajalela. Justeru, Ujang didera lantaran bimbang menjadi ikutan kepada anak-anak kapal yang lain.

Unsur perlambangan juga turut menarik perhatian khalayak apabila pengarang berani mendedahkan sikap dan perlakuan masyarakat pada masa kini. Sikap masyarakat yang mementingkan hiburan dan mengabaikan tanggungjawab akan meninggalkan kesan buruk kepada agama, bangsa dan negara. Apatah lagi jika mereka mengamalkan rasuah untuk mendapatkan sesuatu.

Dalam konteks ini, pengarang mendapat idea melalui sumber pengalaman peribadi. Menurut Mana Sikana (2006, hlm. 143), idea dan pengalaman mempunyai hubungan rapat dengan sifat jati diri. Hal demikian adalah kerana idea dan pengalaman yang akan mencorak dan membentuk subjek dalam karya. Seterusnya memberi motivasi kepada pengarang untuk melahirkan karya dalam bentuk artistik dan estetik bagi meletakkan dirinya sebagai penulis unggul. Pengalaman pengarang dalam pelbagai bidang seperti penulis, pengarah, penceramah, hakim, fasilitator, pengawai FELDA, Pengarah PERODUA serta Pengurus Syarikat Akademi Minda dan sebagainya telah menjadikan beliau matang ketika berurusan dengan manusia (Ismail Kassan, 2013). Secara tidak langsung memahami keperluan manusia dari aspek biologi. Sidek Saniff dalam Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (2002, hlm. 53) menyatakan strategi baru dalam pendidikan perlu diteroka dengan cepat bagi mengelakkan sesebuah bangsa atau negara tertinggal jauh ke belakang. Jelaslah bahawa, pengarang yang bijak adalah pengarang

yang mempunyai pengetahuan luas dalam pelbagai bidang. Secara tidak langsung telah menggambarkan ciri pengarang intelektual.

Seterusnya, pengarang telah menggunakan ideologi dalam karya. Dalam hal ini pengarang berani dan bijak menggunakan permasalahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Pengarang berani mengkritik sikap individu yang menyalahgunakan kuasa yang diberi. Sebagai contohnya sikap anak muda yang berani memperkenalkan dirinya sebagai Inderaputra iaitu putera mahkota negara Sementa Pura. Teknik menyamar digunakan oleh pengarang demi membongkar sikap segelintir individu yang mempunyai kepentingan diri sendiri. Inderaputra mendapat layanan istimewa daripada Maharajalela kerana masing-masing mempunyai kepentingan peribadi. Manakala Ujang dilayan dengan buruk kerana takut kekuasaannya sebagai pemimpin tergugat. Dalam hal ini, idealogi digunakan untuk mendapat faedah daripada sebelah pihak ataupun kedua-dua belah pihak.

Untuk mempertahankan jati diri, beliau bertindak tegas dengan menggunakan falsafah sebagai salah satu alat berkomunikasi dengan masyarakat. Seterusnya, melahirkan idea yang kritis, kreatif, inovatif dan rasional. Beliau mengajak khalayak berfikir untuk menggunakan sumber alam tanpa melakukan pembaziran. Sekali gus mengelakkan perbuatan yang boleh merosakkan diri, masyarakat dan negara. Hal ini dapat dilihat melalui peristiwa Ujang dan Serang yang terdampar di sebuah pulau. Pengarang mengkritik sikap manusia yang merosakkan harta benda di pulau tersebut. Secara tidak langsung telah melakukan pencemaran di pulau itu. Jelaslah bahawa, pengarang mempunyai sifat jati diri dalam karyanya.

Ismail Kassan telah memperlihatkan gaya kepengarangan yang tersendiri. Mana Sikana (2013, hlm. 216), menjelaskan arah atau aliran yang terserlah dalam teks menunjukkan karya yang bercorak wacana dan intelektual.

“... sekiranya dimantap atau diperkuuhkan dengan segala kekuatan tidak mustahil akan muncul aliran tersendiri yang dinamakan realisme, surrealisme wacana atau intelektual. Segala-galanya bergantung kepada usaha penulis dalam menghayati alaf baru.”

(Mana Sikana, 2013, hlm. 216)


Ismail Kassan telah menggunakan kreativiti dan daya intelektual yang tinggi dalam berkarya. Beliau berani dan bijak menggunakan

isu-isu kemasyarakatan yang berlaku di dalam negara. Kemudian mengolah semula secara kreatif bagi menunjukkan pengaruhnya sebagai pengarang. Kenyataan ini bertepatan dengan Abdul Rahim Hamdan (2011, hlm. 7) yang mengatakan idealisme merupakan salah satu aliran falsafah yang mengkaji perkara berkaitan idea, roh, akal, keadaan dunia yang nyata dan yang tidak nyata. Unsur kebenaran dan nilai adalah sesuatu yang tetap, tidak berubah sepanjang masa dan universal. Selanjutnya memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Hal demikian adalah kerana pengarang sentiasa peka dan sensitif dengan persekitaran. Syed Nasir Ismail dalam Hamzah Hamdani (2006, hlm. 794) menyatakan setiap penulis atau pengarang adalah pembentuk fikiran manusia melalui karya. Dalam hal ini, pengarang berani menegakkan kebenaran berdasarkan pemerhatiannya yang teliti dan kritis. Berdasarkan ilmu pengetahuan yang dimiliki, pengarang dapat melihat tindak-tanduk manusia baik sebagai pemimpin, petani, golongan buruh, ibu bapa, pegawai-pegawai dan sebagainya. Melalui penglihatan juga, pengarang dapat menyelami jiwa watak yang ditulis dengan jelas.

Ismail Kassan turut memperlihatkan penelitian yang tajam terhadap hakikat kehidupan dan kebenaran. Dari aspek stail dan gaya penulisannya, pengarang mengupas isu moral yang menjadi sebahagian daripada norma kehidupan. Manusia sanggup melanggar peraturan demi mencapai hasrat yang diingini. Kemudian menyelar sikap masyarakat yang rakus menggunakan sumber alam untuk pembangunan.

Selanjutnya, stail pengarang yang bersahaja dalam mengungkap idea jelas memperlihatkan pemikiran matang dalam mengharungi kehidupan. Bagi pengarang, semua benda yang wujud di dunia ini adalah kurniaan Tuhan. Manusia perlu menghargai sumber alam sebagai tanda kesyukuran atas nikmat yang telah diberikan-Nya. Selain harta benda, manusia perlu menghargai udara yang menjadi simbol kehidupan makhluk bernyawa iaitu kesihatan. Sikap kepenggarangan beliau yang sensitif dengan persekitaran dan kehidupan manusia jelas terlihat dalam karyanya. Baharuddin Zainal dalam A. Karim Hj Abdullah (1993, hlm. 104) mengatakan untuk menulis sebuah karya yang benar-benar berkesan dan membawa mesej, ia memerlukan satu bentuk, stail atau *way of expression* yang secocok dengan tema. Usaha ini tidak datang daripada ilham atau buku tetapi datang melalui ketekunan bereksperimen dan usaha berterusan dari penulis

itu sendiri. Menurutnya lagi, penulis mestilah mempunyai pendirian, idealogi atau pandangan hidup dalam berkarya bagi mengungkap persoalan kehidupan masyarakat dengan jujur. Secara tidak langsung dapat menempatkan diri di persada dunia kesusasteraan dengan penuh bergaya. Dalam hal ini, ada kemungkinan pengarang terpaksa berkerja sepanjang hayat untuk mencapai keperibadian atau ada kemungkinan berkerja dalam jangka hayat yang singkat. Semuanya, bergantung kepada daya usaha pengarang itu sendiri (Manu Sikana, 1995, hlm. 68). Selanjutnya, Nordin Selat dalam A. Karim Hj Abdullah (1993, hlm. 263) menjelaskan seseorang penulis mempunyai sifat-sifat yang istimewa. Antaranya ialah tajam penglihatan, sensitiviti, patriotik dan ideal. Seseorang penulis dapat merakam dan mengabadikan sesuatu peristiwa dengan jujur. Oleh yang demikian sumbangan idea dapat dirasai melalui pemikiran yang ada kalanya disampaikan dalam bentuk mimpi. Rajah 2 memperihalkan analisis perkaitan Teksdealisme dengan *Pelayaran Inderaputra II* yang telah dibincangkan.



**Rajah 2** Analisis Perkaitan Teksdealisme dengan *Pelayaran Inderaputra II*

## DAPATAN KAJIAN

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa, *Pelayaran Inderaputra II* mempunyai perkaitan dengan ciri-ciri cerita bangsawan iaitu *Hikayat Inderaputra*. Pengarang sengaja memilih *Hikayat Inderaputra* sebagai sumber rujukan. Dalam hal ini, pengaruh bacaan dan karya-karya lama telah membantu pengarang dalam berkarya. Seterusnya bertindak berani dengan mencuba nasib dalam pertandingan menulis skrip yang dianjurkan oleh DBP (Ismail Kassan, hlm. 2013). Pengarang berani dan bijak menghasilkan karya yang mempunyai nilai-nilai intelektual berdasarkan pengalaman bacaan. Seperti pendapat Ong Kok Bin (1998,7) yang mengatakan;

*“Every successful man I have heard of has done the best he could with the conditions as he found them and not waited until next year for the better. Experience proves the most time is wasted not in hours but in minutes..”*

Keterangan tersebut menjelaskan bahawa kejayaan seseorang pengarang tidak menunggu sehingga tahun hadapan tetapi pengalaman yang dikutip sepanjang masa.

Meneliti ciri persamaan dalam karya *Hikayat Inderaputra*, beliau menggunakan nama Inderaputra dan latar tempat iaitu negeri Sementa Pura untuk menarik perhatian khalayak. Kedua-dua subjek tersebut terkandung dalam *Hikayat Inderaputra* tetapi diperkuuhkan oleh pengarang untuk menampilkannya dengan gaya baharu dalam bentuk drama. Dalam hal ini, pengarang berani mempertaruhkan bakat dan kreativiti ketika mengarang *Pelayaran Inderaputra II* dengan menampilkan tema mencari pulau impian yang dijanjikan dapat memberi kemewahan kepada manusia tanpa berkerja keras.

Selain itu, pengarang bijak mengolah gaya dan teknik penceritaan. Dalam *Pelayaran Inderaputra II*, pengarang telah menggunakan teknik penceritaan berlapis. Hal demikian dapat dilihat dalam pelbagai situasi yang melibatkan Ujang berada dalam pengaruh sedar dan tidak sedar. Pengarang telah memasukkan unsur mimpi, berangan-angan dan berilusi dengan makhluk ajaib dan bintang. Secara tidak langsung telah memberi kelainan terhadap karya terutamanya dari aspek watak perwatakan. Sebagai contohnya, kecelaruan identiti antara Inderaputra dan Ujang. Pengarang mengajak masyarakat agar berhati-hati dalam

bertindak dan membuat keputusan. Sebagai ketua atau pemimpin, sifat berhati-hati perlu diamalkan dalam kehidupan bagi mengelakkan musibah pada orang lain. Berbanding *Hikayat Inderaputra* plotnya lebih mudah, senang difahami dan dapat disusuri perkembangannya berbanding *Pelayaran Inderaputra II* yang lebih kompleks.

Seterusnya, kelainan yang terdapat dalam *Pelayaran Inderaputra II* ialah mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang. Antaranya ialah menyingkap persoalan kemanusiaan yang mementingkan diri sendiri, amalan rasuah, tidak jujur, penyalahgunaan kuasa dan mahu hidup mewah tanpa berusaha. Dalam hal ini, plot cerita lebih kompleks dan memerlukan keintelektualan yang tinggi untuk memahami mesej yang disampaikan oleh pengarang. Kelainan tersebut telah menyedarkan khalayak bahawa genre drama yang dicipta pengarang adalah bercorak surrealisme. Hal ini membuktikan bahawa Ismail Kassan mempunyai stail kepengarangan yang tersendiri. Beliau berani dan bijak mengolah karya demi mencapai sifat keperibadian pengarang sebagaimana yang dinyatakan oleh Mana Sikana (2005, hlm. 505) iaitu pengarang haruslah berusaha gigih untuk menghasilkan karya yang unggul. Selanjutnya, menyimpan hasrat membina keperibadian pengarang agar karya yang dicipta jauh lebih baik daripada karya asal.

Wacana yang terkandung dalam *Pelayaran Inderaputra II* adalah kelangsungan keintelektualan dalam masyarakat Malaysia khususnya untuk mencapai ketamadunan bangsa melalui pemikiran kritis dan kreatif. Tambahan pula abad ke-21 dikatakan bakal menyaksikan *The Power of Knowledge* menjadi kenyataan (Faqir, hlm. 1994). Hal ini mempunyai perkaitan dengan pendapat Mana Sikana (2006, hlm. 121), terdapat lima aspek yang memperlihatkan ciri *avant-garde* iaitu aliran, genre, stail, teknik dan kepengarangan. Dalam hal ini, Ismail Kassan telah melakukan perubahan-perubahan dalam karya, khususnya drama *Pelayaran Inderaputra II* demi mencapai hasrat keunggulan.

Antaranya, penciptaan *Pelayaran Inderaputra II* telah memberi kesedaran kepada generasi baharu agar berusaha bersungguh-sungguh untuk mengisi pembangunan negara. Generasi baharu tidak boleh leka dan cuai dengan kesenangan yang dimiliki hasil jerit perih nenek moyang untuk mencapai kemerdekaan. Mereka perlu bangkit dari lena yang panjang demi kelestarian politik, ekonomi dan sosial. Hal demikian turut diperjuangkan oleh Brecht, tokoh teater Jerman dalam Mana Sikana yang memberikan kelainan idea dalam berkarya. Antaranya;

*'the essence of theory is the idea that truly Marxist drama must avoid the Aristotleian premise that the audience should be made believe that what they are witnessing is happening here and now'.*

(Mana Sikana, 2006, hlm. 338)

Khalayak dapat mengetahui kebenaran peristiwa masa silam dan kini berdasarkan idea pengarang yang kritis dan kreatif dalam menangani sesuatu isu. Kesimpulannya, tujuan utama sesebuah drama bukan sahaja untuk hiburan tetapi juga untuk mengajar dan mendidik setiap insan.

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya, *Pelayaran Inderaputra II* menggambarkan ketajaman pemikiran dan sensitiviti Ismail Kassan yang tinggi terhadap pembangunan negara. Melalui karya tersebut, kesedaran dalam pelbagai bidang dapat ditangani. Beliau bijak menggunakan falsafah, perlambangan serta ideologi bagi merealisasikan hasrat negara untuk hidup dalam keamanan dan kesejahteraan. Justeru, wajarlah jika pengarang menggunakan pendekatan psikologi bagi mencapai matlamat DEB tanpa prejedis antara kaum di Malaysia. Teks *Pelayaran Inderaputra II* turut memberi kesan dan pengaruh kepada dunia kesusasteraan di Malaysia. Secara tidak langsung memberi kejutan kepada masyarakat akan kewujudan drama aliran surrealisme. Beliau telah menggunakan stail kepenggarangan yang tersendiri sebagaimana yang telah dibincangkan. Sekali gus memberi kesan kepada corak pemikiran masyarakat masa lalu, kini dan akan datang. Sehubungan itu, pengkaji mencadangkan agar drama ini dapat dijadikan teks kajian komsas kerana isi kandungannya yang sarat dengan mesej dan pengajaran. Ia seharusnya menjadi pilihan dalam kalangan penggiat seni tanah air untuk dipentaskan. Tambahan pula bantuan dana dari pihak kerajaan boleh digunakan bagi menampung perbelanjaan pementasan sebagaimana yang diumumkan oleh Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang memperuntukkan sebanyak RM 12 juta untuk industri kebudayaan dan kesenian dalam Belanjawan 2015. Selain itu, usaha dari pihak kerajaan atau badan-badan swasta hendaklah dipergiat dari semasa ke semasa terutamanya dalam pertandingan menulis skrip drama. Hal ini penting bagi melahirkan generasi kreatif, kritis dan mampu bersaing di peringkat global, khususnya dalam penghasilan drama berkualiti.

## RUJUKAN

- A. Karim Haji Abdullah. (1993). *Pemimpin dan sasterawan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ali, Mana Sikana & Azhar Wahid. (2012). *Prosiding: Seminar dan kritikan sastera Malaysia*. Selangor: Univision Press. Sdn.Bhd.
- Abdul Malik Karim Amrullah (1980). *Falsafah hidup*: Kuala Lumpur, Pustaka Antara.
- Abdul Rahim Hamdan (2011). *Falsafah & pemikiran pendidikan*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Fakir. (1994). *The Power Knowledge*. <https://www.google.com/webhp?sourceid=chrome-instant&ion=1&espv=2&ie=UTF8#q=the%20power%20knowledge%20faqir%2C%201994%3B28> dilayari pada 17/11/2015
- Hamzah Hamdani. (2006). *Sastera kebangsaan: isu dan cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustka.
- Ismail Kassan. (1981). *Pelayaran inderaputra II: antologi drama panjang pemenang peraduan DBP 1978*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Kassan. (2012). *Ismail kassan penerima S.E.A Write Awards (Malaysia) 2012*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Kassan (2013). *Dewan Sastera*, Januari 2013, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana (1983). *Pemikiran Islam dalam sastera melayu*. Kuala Lumpur: Tra Tra. Sdn Bhd.
- Mana Sikana. (2005). *Teori sastera kontemporari*. Selangor: Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2006). *Teori sastera teksdealisme*. Singapura:Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2006). *Drama melayu tradisional moden dan pascamoden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2013). *Jejak sastera melayu moden*. Selangor: Pustaka Karya
- Mana Sikana. (2013). *Wacana sastera melayu semasa*. Selangor: Pustaka Karya.
- Mariyam Salim. (2004). *Hikayat inderaputra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hatta Muhammad Tabut. (2002). *Dari idea ke skrin: Teknik penerbitan filem*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Ong Kok Bin. (1998). *Success for everyone*. Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Rahman Shaari. (1993). *Memahami gaya bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sahlan Mohd Saman. (1985). *Kritikan: Situasi mutakhir dan arah masa depan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus. (2002). Pemikiran Melayu tentang alam dan hakikat diri: Kumpulan Kertas Kerja Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia II. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wikipedia. (2014). Pulau Jerejak. [http://ms.wikipeddia.org/wiki/Pulau\\_Jerejak](http://ms.wikipeddia.org/wiki/Pulau_Jerejak). dilayari 3/11/2014.
- Wikipedia Ensiklopedia bebas. (2014). Dasar Ekonomi Baru. [http://ms.wikipedia.org/wiki/Dasar\\_Ekonomi\\_Baru](http://ms.wikipedia.org/wiki/Dasar_Ekonomi_Baru) dilayari pada 11/10/2015.

